

RCI Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan

‘Tindakan Tun M ibarat orang lemas cuba menyelamatkan diri’

Empat anggota Kabinet dedah bekas PM tarik balik permohonan semakan sebelum mesyuarat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Putrajaya; Empat anggota Kabinet pada 2018 mendedahkan Tun Dr Mahathir Mohamad membuat keputusan menarik balik permohonan semakan dan tafsiran Batu Puteh sebelum mesyuarat Kabinet berlangsung pada 23 Mei 2018.

Mendedahkan perkara itu,

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata keputusan itu sama seperti yang dikemukakan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Bahian Tengah dan Tubir Selatan.

Sehubungan itu, beliau selaku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ketika pentadbiran Pakatan Harapan (PH) pada 2018, menyifatkan bekas Perdana Menteri itu ibarat orang lemas yang cuba menyelamatkan diri.

“Perkara itu sudah ada keputusan. Kita rujuk kepada turutan fakta seperti mana dalam laporan RCI (bahawa) belum ada mesyuarat Kabinet, satu surat sudah dikeluarkan oleh Tun (Dr Mahathir).

“Jadi ini adalah percubaannya untuk mengheret (anggota Kabinet) macam orang lemas.

Orang lemas ini kayu buruk pun dia capai,” katanya selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, semalam.

Kelmarin Dr Mahathir memaklumkan sedia berdepan sebarang siasatan Jenayah susulan hasil Laporan RCI itu dengan mendakwa hasil laporan berkenaan adalah bersifat politik untuk memusnahkan imejnya kerana hanya beliau seorang yang dipertanggungjawabkan.

Beliau juga sekali lagi menegaskan keputusan berhubung Batu Puteh dibuat secara bersama oleh Kabinet ketika itu.

Tiga pemimpin PH sahkan

Sementara itu, tiga pemimpin kanan Pakatan Harapan (PH) semalam turut menegaskan Dr Mahathir membuat keputusan sendiri berhubung pengguguran rayuan bagi tuntutan Batu Puteh.

Dalam kenyataan bersama, Da-

tuk Seri Dr Wan Azizah, Mohamad Sabu dan Anthony Loke berkata, Dr Mahathir hanya rae-maklumkan kepada Kabinet selepas keputusan itu dibuat.

Ketiga-tiga mereka adalah anggota Kabinet PH ketika itu dengan Wan Azizah adalah Timbalan Perdana Menteri, manakala Mohamad selaku Menteri Pertahanan dan Loke pula menerajui Kementerian Pengangkutan.

“Ingin kami tegaskan bahawa keputusan untuk tidak meneruskan semakan dan tafsiran sudah dibuat pada 21 Mei 2018 oleh Mahathir sendiri secara bertulis kepada Peguam Cara Negara tanpa merujuk kepada Jemaah Menteri dan juga turut dimaklumkan kepada pihak Singapura pada pagi 23 Mei 2018 sebelum mesyuarat Kabinet pertama di adakan.

“Selang dua hari kemudian, selepas keputusan dibuat, barulah

Mahathir memaklumkan Jemaah Menteri dalam mesyuarat Kabinet. Ingin kami tekankan di sini, ianya hanyalah ‘pemakluman’ di bawah agenda ‘Hal-hal lain’ dan bukannya perbincangan untuk menentukan keputusan,” katanya.

Sehubungan itu, tegas mereka tidak wujud isu sama ada sesiapa membantah atau monyokong kerana ruang untuk membuat keputusan sudah hilang apabila ia dibuat secara bertulis oleh Dr Mahathir.

“Sebagai negarawan, kami berpandangan Mahathir sepatutnya mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas keputusan ini dan bukannya memilih untuk meletakkan di bahu mereka yang tidak terabit.

“Kami yakin dan percaya anggota Jemaah Menteri yang hadir dalam Mesyuarat Kabinet pada 23 Mei 2018 boleh mengesahkan perkara ini,” katanya.